

Ilmu haruslah diletakkan pada tempat yang selayaknya

DR. HALIMI MOHD. KHALIB

ALIS pengijazahan atau juga dikenali sebagai konvokesyen

yang sangat dinanti-nantikan graduan, ibu bapa dan ahli akademik di semua institusi pengajian tinggi (IPT).

Majlis ini bukan sahaja menjadi simbol kejayaan akademik seseorang graduan, malah ia melambangkan pencapaian cemerlang dalam usaha menuntut ilmu serta mengangkat martabat keilmuan.

Dalam konteks pendidikan tinggi, majlis ini menjadi platform untuk memberi pengiktirafan kepada pencapaian pelajar, pensyarah dan institusi pendidikan itu sendiri. Ia mencerminkan penghargaan kepada usaha gigih serta pengorbanan yang dilakukan oleh para graduan sepanjang tempoh pengajian mereka.

Pemakaian rasmi graduan dalam istiadat konvokesyen yang terdiri daripada jubah dan topi mortar membawa tafsiran menjunjung ilmu yang dianugerahkan kepada mereka. Manakala bagi ahli akademik menyuarang jubah dan memakai topi di hari konvokesyen memberikan simbol ilmu yang dijunjung dan disampaikan kepada para pelajar.

Menelusuri sejarah topi mortar semasa majlis konvokesyen di seluruh dunia telah menemukan

fakta-fakta yang sangat menarik. Menurut catatan Genius Book of Record, universiti pertama di dunia yang mengadakan majlis konvokesyen untuk kepelajarannya iaitu Universiti Al Qarawiyin yang terletak di kota Fez Morocco.

Universiti Al Qarawiyin adalah universiti yang tertua di dunia. Ia diasaskan sebagai masjid oleh Fatima al-Fihri pada 857-859 dan seterusnya berkembang menjadi salah satu pusat kerohanian dan pendidikan terkemuka pada zaman keemasan Islam dan masih beroperasi sehingga ke hari ini.



ILMU yang diperoleh seharusnya menjadikan seseorang yang berilmu itu memahami maksudnya pada makna hakikat.

Ilmu perlu dijadikan sebagai wahana untuk meningkatkan kualiti diri dalam kehidupan bermasyarakat dan disisi Allah SWT.”

Catalan sejarah ini juga menemukan hubungan antara pemakaian jubah dan topi mortar pada majlis-majlis konvokesyen dengan tradisi pemakaian para graduan.

Pakaian pengijazahan yang biasa dipakai di seluruh dunia hari ini berasal dari pakaian Arab iaitu *thawb* atau *qamees* yang bermaksud jubah.

Amalan pemakaian arab atau pakaian muslim yang longgar dan lebar kekal hingga kini dan tersebut ke seluruh dunia. Jack Goody dalam bukunya bertajuk *Islam in Europe* menyatakan pakaian Arab (*thawb*) kekal sebagai tanda integriti skolastik yang paling tulen

dan paling jelas sehingga hari ini, terutamanya semasa acara akademik seperti perbahasan dan pengijazahan.

Pemakaian topi mortar juga merupakan tradisi Islam yang dipakai para ulama di sana. Topi rata itu digunakan untuk meletakkan al-Quran bagi melambangkan ketinggian kitab suci itu berbanding akal. Rumbai di bahagian belakang topi mortar digunakan sebagai penanda halaman al-Quran yang dibaca. Dalam situasi pemakaian jubah

membawa topi mortar sebagai simbol membawa al-Quran.

Topi tersebut hanya boleh diletakkan di atas kepala apabila seseorang pelajar itu menamatkan pengajiannya. Ia sebagai simbol ketinggian ilmu yang dimilikinya dan berikrar akan menyampaikan ilmu yang dikuasainya dengan tulus ikhlas dan bertanggungjawab yang dimiliki.

Momen penting penyerahan sijil yang menjadi lambang penyerahan segelanjutnya jazah kepada para graduan adalah simbolik yang perlu difahamu.

Perkataan ijazah berasal

dari pada perkataan kata dasar bahasa arab *qazza* iaitu unbenarkan atau mengizinkan.

Menurut Fayruzabadi dalam kitabnya *al-Qamus al-Muthi* menyatakan ia bermakna memberi kebenaran, kuasa atau hak untuk mengajar. Ia juga boleh difahami sebagai kebenaran untuk menggunakan ilmu yang telah dipelajari dalam kehidupan sehari-hari mengikut bidang masing-masing.

Ilmu yang diperoleh haruslah diletakkan pada tempat dan kedudukan yang betul agar ilmu dan orang yang berilmu berada pada kedudukan yang tidak bertentangan antara satu sama lain.

Merujuk kepada perbahan dalam bidang epistemologi Islam, iaitu satu bidang kajian berkaitan teori ilmu menemukan kita dengan pelbagai maksud ilmu dari perspektif Islam. Antaranya sebagaimana yang dinyatakan oleh Fakhr al-Din al-Razi iaitu makna ilmu pengetahuan ialah kildatangan jiwa pada makna sesuatu benda.

Manakala menurut Syed Muhammad Naquib al-Atas, ilmu bermaksud merujuk

kepada Allah sebagai asal segala ilmu, ia (ilmu) adalah ketibaan makna sesuatu ke dalam diri seseorang. Apabila merujuk kepada diri sebagai seseorang yang berilmu itu memahami maksudnya pada makna hakikat.

Pertama, perlu difahami bahwa semua ilmu yang diperoleh adalah berpunca dari Allah SWT yang bersifat al-*Azim* (Maha Mengetahui). Hakikat ini menyedarkan kita bahawa manusia itu bersifat lemah. Manusia tidak mampu untuk memahami dan memperoleh sesuatu ilmu itu melancong dengan keizinan Allah SWT.

Kedua, ilmu yang dipelajari seharusnya membawa individu tersebut untuk lebih mengenal Tuhannya. Manakala yang ketiga, orang yang berilmu seharusnya bersifat tawaduk iaitu merendah diri, tidak sombang dan angkuh, menghormati orang lain serta berlakuk dengan sifat yang lemah lembut dan bersopan.

Allah SWT telah memberi penjelasan bahawa wujud perbezaan antara orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu sebagai bagaimana firman-Nya dalam Surah az-Zumar yang bermaksud: “Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya mengambil pelajaran dan orang yang berakal sempurna.”

Justeru, ilmu haruslah diletakkan pada tempat yang selayaknya dan tidak dijadikan sebagai ‘bahan dagangan’ bagi tujuan meraih kedudukan serta kemuliaan hidup di dunia semata-mata. Sebaliknya, ilmu perlu dijadikan sebagai wahana untuk meningkatkan kualiti diri dalam kehidupan bermasyarakat dan disisi Allah SWT.

PENULIS ialah Pengajar Kanan Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ummum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).